3. *Al-Buwaiti (wafat 231H.)*

Nama lengkap beliau adalah Abu Ya'kub Yusuf bin Yahya Al-Buwaiti, lahir di desa Buwaiti (Mesir) wafat 231H.

Beliau ini adalah murid langsung dari Imam Syafi'i Rahimahullah, sedarjat dengan Ar-Rabi'i bin Sulaiman Al-Muradi.

Imam Syafi'i berkata: "Tidak seorang juga yang lebih berhak atas kedudukanku melebihi dari Yusuf bin Yahya Al-Buwaiti dan Imam Syafi'i Rahimahullah berwasiat, manakala beliau wafat maka yang akan menggantikan kedudukan beliau sebagai pengajar adalah Al-Buwaiti ini.

Beliau menggantikan Imam Syafi'i Rahimahullah berpuluh tahun dan pada akhir umur beliau ditangkap lantaran persoalan "fitnah Quran", iaitu tentang makhluk atau tidaknya Quran yang digerakkan oleh kaum Mu'tazilah.

Akhirnya Al-Buwaiti ditangkap oleh Khalifah yang pro faham Mu'tazilah, lalu dibawa dengan ikatan rantai pada tubuhnya ke Baghdad.

Beliau meninggal dalam penjara di Baghdad tahun 231H.

Beliau syahid kerana mempertahankan kepercayaan dan i'tiqad beliau, iaitu i'tiqad kaum Ahlussunnah wal Jama'ah yang mempercayai bahawa Quran itu adalah Kalam Allah yang Qadim, bukan "ciptaan Allah" (makhluk).